



SIARAN AKHBAR

JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

HARI ISNIN, 29 REJAB 1444 / 20 Februari 2023

OPS SEPADU BERSIH 01/23

1. Operasi Sepadu Bersih 01/23 bersama agensi-agensi penguatkuasaan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan telah dilaksanakan di Kawasan Kg Telanai, Kg Bunut dan sekitar Gadong. Hasil tindakan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dari tempoh 1 Februari 2023 sehingga terkini telah mencatatkan seramai tiga (3) Individu dan tujuh (7) buah syarikat dikenakan kompaun keseluruhan berjumlah \$3,300.00 kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian Pindaan 2021 (*Miscellaneous Offences Act*) Penggal 30 kerana membuang sampah di tempat awam dan laluan awam. Dalam Operasi bersepadu berkenaan 12 kenderaan terbiar telah dikenalpasti bagi tujuan untuk dikuatkuasakan melalui Projek Kebangsaan bagi menangani isu kenderaan terbiar atau lebih dikenali sebagai AVNP.

Nama -nama individu dan syarikat-syarikat yang telah dikeluarkan kompaun dalam Operasi berkenaan adalah seperti berikut:

Bil.	Individu/Syarikat
1.	Pelangi Merah Sdn Bhd
2.	Athieq Enterprise
3.	Soon Teck Enterprise
4.	Wellie Ebdani Santiago
5.	Vuayakanth Packirisamy
6.	Lift Technology Sdn Bhd
7.	Jean Rose Cabangangan Reso
8.	DIPE Sdn Bhd
9.	Morsal Enterprise
10	Sin Kew Hin Department Store

2. Dalam Operasi berkenaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah mendapati sebuah bangunan di Kampung Telanai telah gagal mematuhi di bawah Akta Piawaian Keselamatan Kebakaran (Fire Safety Act) dan *Building Guideline Requirements 2022 (BGR)*. Manakala Jabatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan telah mendapati 2 Bangunan di Kampung Telanai adalah dalam keadaan kotor yang boleh mengakibatkan pencemaran alam sekitar dan berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan penyakit berjangkit bawaan vektor jika tidak ditangani segera oleh pihak pengurusan bangunan.

3. Menurut pindaan di bawah Perintah Kesalahan-Kesalahan Rampaian Pindaan 2021 (*Miscellaneous Offences Act*) Penggal 30, kadar kompaun bagi mana-mana individu atau badan korporat yang dikeluarkan kompaun bagi kesalahan di bawah Bab 12 atau mana-mana kesalahan:
 - i. Bagi individu boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi \$ 1,000.00
 - ii. Bagi badan-badan korporat boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi \$ 2,000.00.

Bagi kesalahan-kesalahan individu dan badan-badan korporat yang gagal menjelaskan kompaun dan diambil tindakan melalui mahkamah adalah seperti berikut:

 - i. Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab ini jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari \$ 1,000.00 dan tidak melebihi \$ 3,000.00 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang \$ 3,000.00 dan tidak melebihi \$ 9,000.00, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali.
 - ii. Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab ini boleh dikenakan denda tidak kurang dari \$ 2,000.00 dan tidak melebihi \$10,000.00 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari \$10,000.00 dan tidak melebihi \$ 30,000.00, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.
4. Dalam kes-kes berkenaan, individu-individu dan syarikat-syarikat berkenaan adalah dikehendaki menjelaskan kompaun masing-masing ke Bahagian Kewangan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri dalam tempoh masa 7 hari.
5. Jabatan ini mengingatkan mana-mana individu dan badan-badan korporat untuk sama-sama menjaga kebersihan dan untuk tidak membuang sampah di mana-mana tempat awam dan mana-mana akses bangunan tempat laluan orang awam di bawah kawasan perbandaran Bandar Seri Begawan dan jika didapati Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan.
6. Pada masa yang sama, Jabatan ini mengalu-alukan orang ramai untuk mengongsikan sebarang aduan dan perkongsian maklumat ke:

Nombor talian E-Darussalam: **123**

Emel: Info@123.gov.bn

Website: www.123.gov.bn

Whatsapp: **8333123**

Hotline Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang: **7291122**

- Tamat-

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam,

Bahagian Pengurusan Strategik, Perhubungan Awam dan Antarabangsa

Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

Tel: 2232424 Ext. 187 / 365

Faks: 2229124

